

# Orang Islam yang Terkemuka

**Mohamed Modibo Keita - Mali**

**Ahmed Sekou Toure – Guinea**

Modibo Keita ialah penganjur Mali, iaitu negara yang dahulunya bernama “Sudan Perancis”. Negara Mali sebelum dijajah oleh Perancis ialah sebuah negara Islam yang kuat dan merdeka.

Modibo Keita – penganjur Mali ini ialah seorang Muslim namanya Mohamed. Ia telah belajar di negeri Perancis.

Republik Mali pada mulanya telah mengisytiharkan kesatuan dengan Republik Senegal setelah keduanya mencapai kemerdekaan dari penjajah Perancis, sesudah menempuh pilihan raya anjuran De Gaulle pada tahun 1958. Tetapi dengan angkara Perancis, persatuan itu telah runtuh sesudah melalui masa 14 bulan. Semenjak itu negara Sudan Perancis telah tetap memakai nama baharunya “Republik Mali”

Penduduk Mali berjumlah empat juta, kebanyakan mereka beragama Islam. Meskipun Yahudi Israel telah menyeludup ke dalam negeri Mali ini tetapi di sana terdapat satu pergerakan yang menentang penyeludupan itu,



*Mohamed Modibo Keita*

lebih-lebih lagi setelah berlangsung Kongres Negara-negara

Afrika di Casablanca (ed-Dar el-Beida) Maghribi.

Kongres ini telah berlangsung pada bulan

Januari 1961 yang lalu dengan dihadiri oleh Sultan

Mohammed Raja Maghribi, Gamal Abdel Nasser, Ahmed Sekou Toure

(Guinea), Nkrumah (Ghana),

FERhat Abbas (Algeria) dan Modibo Keita (Mali)

Kongres itu menjadi tumpuan harapan negara-negara Afrika yang mundur atau yang terletak dalam lingkaran Komanwel Perancis atau Komanwel British untuk capai kemerdekaan, dan menutup jalan bagi Israel dan penjajahan penyeludupan daripada menghisap rakyat negeri-negeri yang tersebut dan merompak kekayaannya.

\* \* \*

#### Ahmed Sekou Toure

Tatkala Jeneral De Gaulle melawat Guinea dan mengisytiharkan rancangannya yang masyhur pada tahun 1958, iaitu meminta fikiran penduduk negara Afrika yang dikuasai Perancis, Sekou Toure memandang rancangan De Gaulle tiada lain daripada suatu helah untuk menutup kedudukan Perancis sebagai suatu kuasa penjajah di Afrika yang akan berkesudahan negara-negara tanah jajahan yang tersebut juga tentu akan tetap setia kepada negara Perancis “negara ibu” sebagaimana yang dinamakan oleh Perancis Jeneral De Gaulle pun berpidato dalam Majlis Undangan Guinea dan meminta supaya berpegang teguh dengan kesatuan Perancis.

Sekou Toure tampil berucap dengan berkata:

“Kami lebih utamakan kemerdekaan bersam-sama dengan kelaparan daripada kekayaan bersama-sama dengan penjajahan.”

Terkejut Jeneral De Gaulle mendengarnya, lalu keluar dari Majlis Undangan itu dengan melupakan topik tenteranya. Pada masa itu surat khabar-surat khabar dunia menjadikan dia suatu benda ejekan lalu menggelarkan dia:

“Jeneral yang telah melupakan topinya”. Demikianlah

Sekou Toure mengisytiharkan kemerdekaan negerinya.

Ahmed Sekou Toure seorang penganjur yang kuat peribadinya, tinggi pendiriannya, bertutur bahasa Perancis dengan lancarnya, dan berasa bangga dengan pakaian kebanggaannya.

#### Bacalah!

#### Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah kalam George Zaidan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang masyhur – Tariq bin Ziyad, menggempur tentera Sepanyol menghancurkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa di lapangan kurun.



2 PENGGAL TAMAT SEPENGGAL \$1.20

(Naskhah Rumi: sebuah \$3.00)

**Pesanlah kepada penerbitnya:**

**QALAM, SINGAPURA**